



SIARAN AKHBAR

S.A. 2024/08/14_17 (HQ)

PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DUN NENGGIRI: UTAMAKAN KESELAMATAN SEPANJANG TEMPOH BERKEMPEN

- Pemasangan bahan kempen di pepasangan elektrik berisiko menyebabkan renjatan yang boleh mengancam keselamatan
- Tindakan ini boleh mengganggu bekalan elektrik ke premis penting semasa pilihan raya
- Bahan kempen pada pepasangan TNB boleh menghalang kerja-kerja penyelenggaraan, meningkatkan risiko gangguan bekalan

Keselamatan elektrik adalah satu aspek yang sangat penting dan perlu diberi perhatian serius sepanjang tempoh Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri. Risiko kemalangan elektrik boleh meningkat sekiranya langkah berjaga-jaga tidak diambil, terutama ketika pemasangan bahan kempen pilihan raya di premis atau pepasangan elektrik.

Perbuatan seperti ini boleh mengakibatkan renjatan elektrik yang membahayakan nyawa serta mengganggu bekalan elektrik ke premis-premis penting seperti pusat mengundi dan pusat penjumlahan undi.

Oleh itu, sebagai langkah berjaga-jaga, **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** mengingatkan orang ramai agar menilai terlebih dahulu risiko tindakan dan mematuhi panduan keselamatan yang telah ditetapkan sepanjang tempoh berkempen dari 3 Ogos hingga 16 Ogos nanti.

Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian (Chief Distribution Network Officer) TNB, Ir. Mahathir Nor Ismail, menegaskan bahawa pemasangan bahan-bahan kempen seperti poster, bendera, gegantung, dan sepanduk di menara penghantaran, tiang elektrik, peti pembekal, pencawang, tiang konkrit, dan talian atas adalah sangat berbahaya.

Tindakan ini bukan sahaja mengancam keselamatan, tetapi juga boleh mengganggu kelancaran bekalan akibat kesukaran warga kerja TNB untuk mendapatkan akses yang diperlukan bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pemulihan bekalan sekiranya berlaku gangguan elektrik.

Demi keselamatan dan kelancaran bekalan elektrik, TNB akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dan pihak berkuasa untuk menurunkan bahan kempen yang menimbulkan sebarang potensi risiko.

"Pada masa yang sama, kami memohon kerjasama semua pihak yang berkenaan agar mengelak daripada melakukan kerja-kerja pengorekan tanah yang boleh meningkatkan risiko terkena kabel elektrik," tambah Mahathir.

S.A. 2024/08/14_17 (HQ)

Keselamatan elektrik adalah keutamaan TNB. Orang ramai yang ternampak situasi yang boleh mengancam keselamatan atau menjelaskan bekalan elektrik, boleh segera menghubungi Facebook TNB CareLine atau talian 15454 agar tindakan sewajarnya dapat diambil.

Dikeluarkan di Kota Bharu pada 14 Ogos 2024, jam 10:15 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB, Ir. Mahathir Nor Ismail



Patuhi panduan keselamatan sepanjang tempoh berkempen demi keselamatan bersama.